

RAMLI - MAHATHIR

1985

TELUK INTAN, 19 MEI (BERNAMA) -- MENTERI BESAR PERAK, DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB HARI INI MENCADANGKAN SUPAYA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DIBERIKAN GELARAN RASMI +BAPA PEMBANGUNAN MODEN+ KERANA USAHA-USAHA GIGIH BELIAU MEMIMPIN NEGARA HINGGA KE TAHAP YANG MEMBANGGAKAN.

KATANYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR SENTIASA MEMIKIRKAN MASALAH RAKYAT MELEBIHI SEGALA-GALANYA SEBELUM MEMBUAT SESUATU PERTIMBANGAN PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU TANPA JEMU-JEMU TERUS MENJADI PENDORONG KEPADA RAKYAT UNTUK BEKERJA KUAT BAGI MEMBINA SEBUAH NEGARA YANG BERMARUAH DAN BERJAYA; TAMBAH DATUK SERI RAMLI.

BELIAU BERUCAP DI MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PASIR SALAK, DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI HILIR PERAK, DI SINI YANG DIRASMIKAN OLEH KETUA PENERANGAN UMNO, SENATOR HAJI HUSSEIN AHMAD.

MENGENAI UMNO, BELIAU YANG JUGA Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Berkata, SEMUA PIHAK INGIN MELIHAT KETENTERAMAN DAN PERPADUAN DI DALAM PARTI BAGI MENGHADAPI CABARAN-CABARAN. -- LAGI.

1530MST 19 05 85

RAMLI - MAHATHIR 2 TELUK INTAN

ANGGOTA-ANGGOTA UMNO KHUSUSNYA MESTI SEDAR AKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA DAN SENTIASA BERSEEDIA MEMATUHI SEGALA PERATURAN, UNDANG-UNDANG DAN PERLEMBAGAAN PARTI, TAMBAHNYA.

TANPA KESEDARAN ITU, TEGAS BELIAU, ADALAH DIRAGUI SAMA ADA ANGGOTA BERJUANG UNTUK PARTI ATAU UNTUK KEPENTINGAN TERTENTU.

DATUK SERI RAMLI JUGA MENASIHATI ANGGOTA-ANGGOTA PARTI JANGAN TERBURU-BURU BERTINDAK APABILA TIMBUL SESUATU MASALAH, ATAU TERBURU-BURU HENDAK MENGEMUKAKAN TINDAKAN MAHKAMAH. MEREKA HENDAKLAH BERFIKIR DENGAN TENANG SEBELUM BERTINDAK, TAMBAHNYA.

DATUK SERI RAMLI DIPILIH SEMULA MENGETUAI BAHAGIAN INI TANPA BERTANDING. TIMBALANNYA, HAJI YUSUF MADIN, ANGGOTA DEWAN NEGERI KAWASAN SUNGAI MANIK, JUGA DIPILIH SEMULA TANPA BERTANDING. -- BERNAMA/IN.

1533MST 19 05 85